



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "TEGUH INTEGRITI – KUKUH PERTIWI"

15 November 2024 / 13 Jamadilawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ

﴿إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَهَالِ فَأَيْنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا﴾

﴿وَحَمَلَهَا إِلَيْنَاهُ وَكَانَ ظَلُومًا جَهُولًا﴾

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati llahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat ihsan llahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "TEGUH INTEGRITI – KUKUH PERTIWI"

Integriti bermaksud memiliki sifat-sifat jujur, tulus, ikhlas, khusyuk dan bersungguh-sungguh ketika memenuhi peranan, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Rakyat dan negara memperoleh manfaat apabila peranan, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, berjaya disempurnakan dengan jujur, tulus, ikhlas, khusyuk dan bersungguh-sungguh; insyaAllah peranan, tugas dan tanggungjawab yang telah disempurnakan itu akan diterima oleh Allah SWT sebagai amal makruf yang dilimpahi keberkatan llahi.

Ayat 72 surah al-Ahzab yang khatib bacakan pada awal khutbah bermaksud:

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah (Kami) kepada langit, bumi dan gunung-ganang (untuk menanggungnya) tetapi semuanya enggan untuk menanggung amanah itu dan mereka khuatir tidak akan dapat menyempurnakannya dan hanya manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman lagi sangat jahil".

Berpandukan ayat tersebut, semua makhluk di dunia mengakui tidak mampu memikul amanah yang ditetapkan oleh Allah SWT, namun dengan kemuliaan penciptaan manusia, yang dibekalkan dan dianugerahkan ilmu, akal fikiran dan hati nurani, manusia sanggup untuk memikul amanah llahi. Manusia yang bersedia memikul amanah, wajib insaf bahawa amanah merupakan tanggungan yang sangat berat, kerana keupayaan melunaskan amanah dengan sempurna atau kegagalan menyempurnakannya akan dinilai dan dipersoalkan oleh Allah SWT pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar.

### **Jemaah yang dilimpahi keberkatan llahi**

Integriti mempengaruhi tindakan dan kelakuan seseorang insan ketika diamanahkan dengan sesuatu peranan, tugas dan tanggungjawab. Integriti yang diterapkan dalam diri insan, berupaya membentuk peribadi yang berprinsip, berani menegakkan kebenaran dan tegas menyanggah kebatilan. Semasa memenuhi peranan, tugas dan tanggungjawab, insan yang berintegriti akan melaksanakannya dengan jujur, ikhlas, telus, tekun, teliti, cermat dan berdisiplin, berazam untuk memberikan khidmat terbaik. Waktu kerja dan masa dihargai, dan khazanah serta harta milik negara, kerajaan, syarikat dan majikan tidak akan dibazirkan.

Integriti menjadikan seseorang itu tekad mempamerkan budaya kerja cemerlang, tidak akan menyalahgunakan kuasa, kedudukan dan jawatan untuk mendapatkan faedah peribadi atau membinakekayaan keluarga dan kroni, dengan melakukan rasuah dan pecah amanah. Peranan, tugas dan tanggungjawab, ditafsirkan dan dihayati sebagai amanah, insaf bahawa mengabaikan amanah merupakan jenayah dan dosa yang bakal mengundang kemurkaan llahi.

### **Jemaah Rahimakumullah**

Dalam niat dan hasrat mahu mewujudkan negara yang maju, makmur dan stabil, budaya integriti wajib dihayati dan diamalkan oleh semua pihak, merangkumi kakitangan kerajaan dan swasta, begitu juga dalam institusi pendidikan, koperasi,



badan-badan amal dan bukan kerajaan, serta pertubuhan sukarela, seperti pertubuhan-pertubuhan kebajikan, belia, sukan, juga jawatankuasa masjid dan surau.

Apabila warga tiada integriti – akan hilang sifat malu dalam diri yang menjadi benteng pencegah kemungkaran; dan akan hilang juga ketakutan melakukan dosa. Bisikan iblis menguasai diri, hawa nafsu ingin mengaut keuntungan diikuti, maka berlakulah pelbagai kemungkaran dalam bentuk salah laku, pecah amanah, rasuah, salah guna kuasa, yang menyebabkan berlakunya penyeludupan, kejadian jenayah, kehadiran ramai warga asing tanpa izin, pencemaran alam dan pelbagai bencana berbentuk tanah runtuh, bangunan runtuh, penerokaan hutan dan tanah secara haram, banjir besar dan pelbagai bala, yang menyebabkan negara dilanda musibah; akibatnya rakyat hidup sengsara, lalu kepercayaan rakyat kepada pemimpin dan kerajaan terhakis.

Data Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), melaporkan kebelakangan ini kes penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dana awam semakin berlaku. Sebanyak 1257 kes tangkapan melibatkan penjawat awam, swasta dan orang awam dilaporkan berlaku antara Januari sehingga Oktober 2024. Dilaporkan jawatan yang disandang, telah disalahgunakan dengan memberikan kerja-kerja pembekalan kepada ahli keluarga, memberikan projek kepada syarikat tertentu secara tidak telus kerana dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau kelompok, juga perbuatan mengambil keuntungan menggunakan dana awam.

Jika integriti diamalkan, pelbagai manfaat akan diperoleh; sebagai contoh, peniaga yang jujur akan mempermudah urusan jual beli, petugas yang mengawal baik sempadan dapat menjamin keselamatan negara, jurubina yang berintegriti membolehkan penghuni mendiami bangunan yang selamat, petugas media yang jujur membolehkan orang ramai memperoleh maklumat yang benar, penguat kuasa yang tegas dapat membendung kejadian jenayah.

### **Para tetamu Rumah Allah yang dilimpahi lindungan Ilahi**

Mimbar menyenaraikan beberapa amalan yang mencerminkan sifat berintegriti:

**Pertama:** Menghormati masa bekerja sepenuhnya, tidak mencuri masa bekerja dengan datang lewat dan balik lebih awal daripada waktu yang ditetapkan, tidak berada di kantin lebih daripada masa yang diizinkan, tidak berbual kosong atau tidur di bilik rehat atau di surau pejabat semasa waktu yang ditetapkan untuk bekerja.



**Kedua:** Tidak menyalah gunakan cuti sakit, tidak berpakaat dengan klinik untuk mengeluarkan cuti sakit palsu sebagai alasan mahu melindungi diri kerana tidak hadir bekerja.

**Ketiga:** Tidak menyalah gunakan peralatan pejabat dan kemudahan pejabat seperti kenderaan, kertas, sampul surat, alat tulis, panggilan telefon untuk urusan peribadi kerana perbuatan tersebut tergolong dalam kategori telah melakukan pencurian.

**Keempat:** Tidak melakukan tuntutan perjalanan, penginapan dan perbelanjaan makan yang palsu atau mengubah angka-angka semasa mengemukakan tuntutan.

**Kelima:** Tidak membelanjakan wang pejabat, institusi dan pertubuhan secara muncah untuk mengadakan jamuan secara besar-besaran, membeli peralatan, barang dan pakaian secara membazir wang awam, jauh sekali daripada mengambil komisen daripada pembekal.

**Keenam:** Memilih dan melantik kontraktor dan pembekal barang dan perkhidmatan berdasarkan merit kelayakan dan keupayaan, berpandukan sebut harga atau nilai kontrak yang adil, dan tidak menawarkan sesuatu kerja dan tugasan atas niat mendapat komisen atau imbuhan peribadi.

**Ketujuh:** Bercakap benar dan mengaku salah apabila telah berlaku sesuatu kesilapan daripada bermuslihat untuk menutup kesilapan yang bakal mengakibatkan mudarat yang lebih besar. **Kelapan:** Jauhi sama sekali perbuatan pecah amanah, rasuah dan salah guna kuasa. **Kesembilan:** Berniat bahawa pekerjaan ialah amal makruf yang wajib disempurnakan dengan amanah, dengan rasa insaf bahawa ALLAH SWT Maha Melihat; ALLAH SWT akan menghisab segala amalan dan apa yang dikerjakan akan dicatat oleh *Malaikat Raqib Atid*, dirujuk sebagai *Kiraman Katibin*, dan setiap catatan akan diadili oleh Allah SWT pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Hadi Ya Rasyid!**, bimbing kami untuk senantiasa mengamalkan integriti ketika menyempurnakan peranan, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Limpahi rahmat Mu kepada hamba Mu yang tabah dan ikhlas, jujur dan telus, tekun dan teliti menyempurnakan tugasan demi agama, bangsa dan negara dan terimalah tugasan yang mereka sempurnakan sebagai amal makruf yang dilimpahi ganjaran dunia – ganjaran akhirat.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhammin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.